



Tarikh: 26/10/2001 bersamaan 09 Syaaban 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 16

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

Selamat Datang dan Kembali Ke Kampus

Selamat datang ayahanda ucapan kepada anakanda yang baru dan juga yang lama setelah pulang daripada cuti.

Masuklah anakanda ke dalam alam kampus dengan minda terbuka; dengan tekad hendak memikul tanggungjawab sebagai pelajar yang baik. Bersyukurlah anakanda dengan apa yang kita perolehi. Apabila terlupa tentang kelebihan yang diberi Tuhan kepada anakanda, renunglah kembali kepada orang-orang lain yang tidak bernasib baik dan hidup dalam serba kekurangan, dan kemudiannya bandingkan mereka dengan anakanda.

Insya Allah anakanda akan berjaya dan menjadi lebih bersyukur.

Selamat Mengharungi Semester Kedua 2001/2002
Semoga Kejayaan Menjadi Milik Mahasiswa Universiti Malaya

HADIAH

DINGIN SEPANJANG MASA

Neraka itu dua jenisnya:
pertama fana, kedua baqa.

Yang fana apinya tak seberapa
panas hanya seketika
kalaupun membakar, pada romsa saja.

Yang baqa apinya menyala
panasnya selama masa
bila membakar, hangus semua.

Anakku, jangan kau tapaki kedua neraka
jika pun sekelip mata.

Syurga itu dua jenisnya:
pertama fana, kedua baqa.

Yang fana, air hanya mengalir berkala
dinginnya sejurus rasa
bila menawar, pada kulit saja.

Yang baqa, air mengalir sampai muara
dinginnya sepanjang masa
bila menawar, segar jiwa raga.

Anakku, masuklah ke dalam syurga:

Yang fana untuk sementara,
yang baqa buat selamanya.

... Hashim Yaacob
TNC (HEP)

Secangkir Kopi Kelat....



Abdul Jalil
Othman

Tiada manusia di dunia ini yang tidak pernah menghadapi masalah. Dalam kebanyakan masalah yang ada, masalah peribadilah yang kerap merumitkan. Pelajar A mungkin menghadapi masalah kekasih. Pelajar B mungkin selalu menghadapi masalah ongkosnya. Ini biasa kita dengar. Pelajar C mungkin lebih teruk daripada itu - sebutlah apa sahaja masalah, semuanya ada dalam senarainya.

Sesuatu masalah yang kita hadapi akan berkait dari satu titik ke titik permasalahan yang lain pula. Pelajar A yang menghadapi masalah tentang kekasih, mungkin terpaksa berhadapan dengan masalah lain pula. Mentalnya mungkin terganggu. Bila

mental terganggu, fikiran tidak cerdas. Akhirnya akan memberi kesan terhadap pelajarannya.

Bila kita dilanda masalah, jangan lekas panik! Cuba bawa bertenang. Segera percaya bahawa tiada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Masalah bukan tidak boleh diselesaikan. Cuma caranya harus sesuai dengan ketika yang sesuai dan saluran yang sesuai.

Suatu ketika dahulu, orang pernah berkata. Jika manusia mempunyai hartanya sebanyak sepuluh ringgit, maka masalah yang ditanggungnya akan hanya berharga sebanyak itu sahaja. Jika manusia itu mempunyai harta sejuta ringgit, maka masalah yang bakal dihadapi juga akan berharga sebanyak itu. Walau apapun, kita mestи sentiasa ingat lalu terus bersyukur. Jika kita anggap masalah yang kita hadapi

ini berat, akan ada orang lain yang lebih menghadapi masalah berat daripada kita.

Ada orang yang tersungkur akibat masalah tetapi akhirnya bangun tegak sebagai manusia yang berjaya! Lalu, pelajar A mungkin akan berkata. "Kalau tidak kerana dihina kekasih suatu ketika dahulu, mungkin aku tidak akan berada di sini!"

Kata pepatah Inggeris, *We learn wisdom from failure much more than from success; we often discover what will do, by finding out what will not do and probably he who never made a mistake never made a discovery.*

HEP

Email: abjalil@hotmail.com

MAHASISWA DAN ANUGERAH AKAL

oleh: Mohd Fakhruzzaki Ibrahim

Manusia dianugerahkan Allah memiliki kelebihan akal berbanding makhluk lain. Kurniaan ini perlu disyukuri dan dimanfaatkan sebaik yang mungkin. Kaedah mensyukuri kurniaan ini perlulah betul dan tidak hanya dinyatakan dengan mulut sahaja. Perlakuan dan tindakan seharian perlulah mencerminkan penyataan mulut sekaligus memancarkan hakikat keikhlasan di hati.

Dengan akal, manusia akan berbicara berbagai perkara. Mahasiswa sebagai kelompok yang sedang menuntut ilmu tentunya mempunyai kelebihan untuk memperkatakan sesuatu perkara dengan lebih luas dan berfaedah. Mereka terpilih sebagai mahasiswa kerana akal yang mereka manfaatkannya. Menuntut di universiti menuntut mereka untuk tidak melihat ilmu sekadar untuk dicoretkan pada kertas jawapan peperiksaan, sebaliknya perlu dimanfaatkan untuk perkembangan minda yang baik.

Perkataan "mahasiswa" telah diguna pakai sejak wujudnya Institusi Pengajian Tinggi. Untuk itu, nilai akal mahasiswa perlulah lebih matang berdasarkan sejarah kemahasiswaan itu sendiri. Namun apa yang berlaku kini, mahasiswa seolah-olah semakin kurang matang dalam kehidupan ilmu mereka dan seperti tidak memanfaatkan kelebihan akal yang ada. Terdapat kalangan mahasiswa yang mudah terikut-ikut dengan arus

semasa dan tidak mampu membuat saringan memilih yang baik atau buruk. Malah ada juga mahasiswa yang cepat percaya kepada sesuatu berita dan terjebak dengan perkara tersebut. Dibimbangi, mahasiswa terjerat dengan perkara yang tidak baik dan merosakkan.

Terdapat juga segelintir mahasiswa yang hilang akal budi dan budaya bangsa. Mereka lahir sebagai orang timur yang penuh dengan adab sopan, namun pembentukan pekerti tidak bertunjangkan kesopanan. Mereka tidak lagi kenal budaya bangsa, apatah lagi cenderung ke arahnya. Mereka bertindak mengikut nafsu dan emosi lantas terlupa menggunakan akal memikirkan yang asal. Tradisi budaya bangsa seperti terlalu asing pada mereka. Dibimbangi, mereka lupa asal keturunan dan bangsa mereka. Dengan nafsu dan emosi, mereka nafikan keturunan dan pekerti ketimuran lantas bertindak seperti orang yang tidak berakal. Ada ketikanya mahasiswa berbicara atau bergaya tidak seperti mahasiswa yang diimpikan kita. Mereka seperti orang yang datang entah dari mana-mana.

Mahasiswa! Semua orang berakal. Bezanya, bagaimana akal itu dimanfaatkan. Jangan sampai timbul persoalan, mengapa mahasiswa bertindak tidak menggunakan akal? Ini kerana, mereka yang berakal bertindak dengan penuh ketertiban dan rasional dalam banyak keadaan. Mahasiswa perlu dipandu oleh ilmu, ditunda oleh akal budi, dihias oleh pekerti murni dan ditimang oleh guru-guru yang baik. Tanyalah diri, akal yang ada untuk tujuan apa?

MAHASISWA PERLU TAHU

Festival Seni Universiti Malaya 2001

Festival Seni Universiti Malaya diadakan setiap tahun bagi mencungkil bakat dan kebolehan warga kampus Universiti Malaya. Bagi tahun 2001 Festival Seni diadakan bertempat di Auditorium Kompleks Perdanasiswa, Auditorium Fakulti Alam Bina, Gazebo Perdanasiswa dan Studio Tari Pusat Kebudayaan bermula pada 1 – 13 November 2001.

Aktiviti kesenian yang dipertandingkan ialah Dikir Barat, Nyanyian Asli, Nasyid, Koir, Tarian Tradisional dan Tarian Kreatif, Manifestasi Puisi, Muzik Akustik, Pop Band, Kompong, Drama Pentas dan Boria. Festival ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Kebudayaan Universiti Malaya dengan kerjasama Biro Tatanegara.

Warga kampus yang berminat menyertai mana-mana pertandingan kesenian boleh mendapatkan borang dan keterangan lanjut berhubung dengan aktiviti yang akan dijalankan boleh didapati dari Pusat Kebudayaan.

Warga kampus yang ingin menonton persembahan yang akan diadakan di Auditorium Perdanasiswa dan Auditorium Fakulti Alam Bina dikenakan tiket sejumlah RM2.00.

Disediakan oleh
Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya

Persidangan Saintifik Ketiga Mahasiswa Pergigian

Fakulti Pergigian Universiti Malaya akan mengadakan Persidangan Saintifik Ketiga Mahasiswa Pergigian pada 9 – 10 November, 2001. Profesor DiRaja Ungku Abdul Aziz akan memberi ucaptama yang bertema "Perkembangan Penyelidikan di Era K-ekonomi". Penuntut tahun akhir di fakulti ini telah menjalankan projek penyelidikan dan persidangan ini akan memberi peluang kepada mereka untuk membentang dan berkongsi penemuan penyelidikan mereka.

Disediakan oleh
Prof. Madya Raja Latifah Jallaludin
Fakulti Pergigian, Universiti Mala

ETIKET DAN PROTOKOL

Tatacara Dalam Majlis Rasmi:

Dalam sesuatu majlis seringkali kedengaran rungutan daripada pihak pengajur tentang adanya tetamu yang tidak mengikut peraturan. Di samping itu kedengaran juga rungutan daripada pihak tetamu yang menyatakan pihak pengajur majlis tidak membuat persiapan yang teratur. Kesemua ini boleh dielakkan jika kedua-dua belah pihak dapat memahami kesulitan masing-masing. Yang berikut adalah perkara-perkara penting yang perlu diketahui oleh kedua-dua belah pihak bagi menjamin kelancaran pengendalian sesuatu majlis:

Kecacatan majlis disebabkan oleh tetamu.

Banyak majlis menjadi cacat kerana tindak-tanduk tetamu sama ada disedari atau tidak disedari. Tindak-tanduk tetamu yang boleh menyebabkan kecacatan sesuatu majlis adalah seperti yang berikut:

- (i). **Tidak memberi jawapan kehadiran:** Dalam semua kad jemputan bagi majlis rasmi, tetamu dikehendaki memberi jawapan sama ada hadir atau tidak



Wise Words

The highest reward for a man's toil is not what he gets for it, but what he becomes by it.

John Ruskin

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

hadir. Kebanyakan para jemputan tidak mengambil berat. Walhal ini amat perlu bagi pihak pengajur untuk menentukan bilangan tetamu keseluruhannya.

- (ii). **Menjawab lewat:** Ada tetamu menjawab, tetapi jawapannya terlalu lewat dan menyukarkan pihak pengajur.
- (iii). **Jawab hadir tetapi tidak hadir:** Ini perkara yang lumrah berlaku dalam sesuatu majlis. Dianggarkan antara 10 peratus hingga 30 peratus tetamu yang jawab hadir tetapi tidak hadir. Akibatnya didapati banyak kerusi yang kosong.
- (iv). **Jawab tidak hadir tetapi hadir:** Situasi ini adalah lebih sukar hendak diselesaikan berbanding dengan perkara (iii). Meninggalkan kerusi kosong adalah lebih mudah daripada menambah kerusi antara celah-celah tetamu yang sedang duduk.
- (v). **Jawab hadir berdua tetapi hadir seorang.** Keadaan ini akan mengakibatkan kekosongan kerusi.
- (vi). **Jawab hadir seorang tetapi hadir berdua:** Keadaan ini menjadi rumit kerana terpaksa mencari tempat yang kosong atau mengubah kedudukan tetamu lain dengan menambahkan kerusi.
- (vii). **Hadir tetapi lewat tiba:** Jika tiba semasa majlis sudah bermula, maka adalah lebih baik berpatah balik daripada masuk kerana kelewatan ini akan mengganggu majlis yang sudah bermula.

Bersambung pada keluaran ke-17..

Kenali Warga HEP

B

eliau merupakan anak kelahiran Tumpat, Kelantan. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, Fakulti Pendidikan dari Universiti Malaya.

Kini beliau bertugas sebagai **Pegawai Runding-cara** di Seksyen Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Harapannya kepada pelajar-pelajar agar melakukan sesuatu yang anda sendiri mampu lakukan kerana anda mempunyai 'kuasa' untuk melakukannya. Kemampuan itu tidak ada 'had' terhadap perkara yang boleh anda lakukan kecuali anda sendiri yang meletakkan 'had' itu dan percayalah pada diri sendiri kerana ia adalah tiang budi pekerti yang utama.

Harapannya untuk HEP ialah agar seluruh kakitangan bekerja dengan penuh toleransi dan pamerkan 'role model' yang terbaik buat semua warga kampus. Bak kata pepatah "yang dimakan rasa, yang dilihat rupa, yang didengar bunyi".

Moto Hidup: *Tiada yang lebih kaya dari akal dan tiada yang lebih miskin dari kejahilan. Oleh itu, berfikir secara rasional tanpa dipengaruhi oleh naluri/emosi adalah cara menyelesaikan masalah yang paling berkesan.*



Cik Zuraini Ismail

Pemimpin Persatuan Pelajar

Presiden Mahasiswa Johor (Pemashor)

Saudara **Fakhrurrazi Yusof** berasal dari Muar merupakan **Presiden Persatuan Mahasiswa Johor (PEMASHOR)** bagi sesi 2001/2002. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Presiden PEMASHOR dan pernah melibatkan diri dengan berbagai aktiviti seperti program motivasi dan khidmat masyarakat. Beliau kini mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang di Akademi Pengajian Islam. Berasaskan prinsip persatuan iaitu "Telus" dan "Terbuka", beliau merasakan persatuan ini perlu diselaraskan dengan suasana semasa agar dapat menepati tuntutan ahli, UM dan negara.

Motto Hidup: Tuntutan kerohanian perlu dilampirkan bersama dalam setiap tuntutan kehidupan agar batasan agama dapat dipelihara.

Harapan: Semoga mahasiswa lebih berani dan yakin untuk melengkapkan diri melalui aktiviti kemanusiaan serta perlu sedar tentang kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Untuk Universiti Malaya, semoga lebih maju dan cemerlang dalam semua segi.



Fakhrurrazi Yusof

Dairi HEP

3 hingga 4 November 2001

■ Kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan mengadakan Hari Keluarga HEP bertempat di Ilham Resort, Port Dickson.

27 hingga 29 Oktober 2001

■ Program Haluansiswa untuk pelajar baru semester II sesi 2001/2002 bertempat di kampus Universiti Malaya.

2 hingga 8 November 2001

■ Program Jatidiri Rakan Muda BPR 2001 akan diadakan di Kem Bina Negara, Meru, Klang. Pelajar Universiti Malaya turut menyertainya.

1 hingga 13 November 2001

■ Festival Seni Universiti Malaya akan diadakan di kampus ini. Semua dijemput hadir.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhrulrazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrulrazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'im Muhd Noh